

MCA MIC sifatkan ucapan PM jamin hak bukan Melayu

KUALA LUMPUR 18 Nov. - MCA menyifatkan ucapan penggulungan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam sebagai satu bentuk jaminan bahawa hak kaum bukan Melayu akan terpelihara selagi Barisan Nasional (BN) menerajui kerajaan.

Presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, ucapan Abdullah memberi gambaran jelas iaitu sebagai parti terbesar dalam BN, UMNO akan bertanggungjawab ke atas semua kaum di negara ini seperti mana termaktub dalam Perlembagaan.

Lebih menggembirakan, katanya, ialah kenyataan Perdana Menteri terhadap pendekatan muafakat yang akan terus menjadi asas kepada BN dalam menyelesaikan apa jua isu sama ada melibatkan soal politik, pendidikan, ekonomi atau sosial.

"Saya sebagai wakil dari MCA mengalu-alukan dan berterima kasih kepada Perdana Menteri atas kenyataannya yang begitu adil dalam ucapan penggulungannya semalam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Buku Cina Sedunia di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines, dekat sini hari ini.

Dalam ucapan penggulungan semalam, Abdullah mengingatkan ahli-ahli UMNO dan parti komponen BN tentang pentingnya muafakat dijadikan pertimbangan politik nasional.

Menurut Perdana Menteri, walaupun setiap kaum di negara ini mempunyai tuntutan masing-masing sehingga kadang-kadang menyentuh sensitiviti pihak lain, namun semua tuntutan tersebut perlu diselesaikan melalui permuafakatan.

Sementara itu Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu pula berkata, sebarang komen dan reaksi individu tertentu sepanjang Perhimpunan Agung UMNO yang berakhir semalam, tidak akan menjejaskan pucuk pimpinan dan parti komponen BN.

"Pemimpin kita ialah Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan apa juga bentuk komen yang dilemparkan pihak tertentu, tidak akan menjejaskan dan menggugat kekuatan BN.

"Komen itu hanya pandangan individu berkenaan dan ia tidak boleh menjejaskan mana-mana pihak atau parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Gotong-Royong Perdana Sungai Siput, hari ini.